

KUALA LUMPUR 1 Mei — Dr. Mahathir bin Mohamad buat pertama kali-nya hari ini menyatakan kesediaan-nya untuk bertanding merebut jawatan Naib Presiden UMNO dalam perhimpunan agong UMNO Malaysia bulan Jun ini.

Sa-belum ini beliau enggan menyatakan kesanggupan-nya itu dengan beberapa kali berkata "Saya belum membuat keputusan".

Bellau ada-lah di-antara 3 orang tokoh yang sa-makin popular dan paling banyak mendapat sokongan2 dari bahagian2 UMNO seluruh negara untuk menduduki jawatan tersebut.

Mengulas mengenai sokongan2 bahagian2 UMNO itu Dr. Mahathir berkata bahawa, memandang kepada sokongan yang begitu kuat itu nampak-nya beliau terpaksa-lah bertanding merebut jawatan tersebut.

"Soal kalah atau menang tidak menjadi perhitungan bagi saya, kerana saya sendiri pun pernah kalah dalam pilihan-raya umum", tegas beliau ketika di-hubungi di-Alor Setar hari ini.

"Apa yang menjadi perhetongan saya sekarang ialah keberchayaan anggota2 UMNO yang mahukan khidmat saya yang lebih besar lagi, jadi terpaksa-lah saya menerimanya," tambah beliau.

Setiausaha Kerja UMNO Malaysia, Enche' Adib bin Haji Adam menyatakan semalam bahawa Dr. Mahathir, Enche' Ghafar Baba Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Tan Sri Ghazali Shafie ada-lah tiga orang tokoh yang sa-makin popular untuk di-chalunkan sa-bagai Naib Presiden UMNO.

Sa-lain dari Enche' Ghafar yang akan bertanding sa-mula merebut jawatan itu Dr. Mahathir dan Tan Sri Ghazali ada-lah dua muka baru bagi jawatan itu.

Naib2 Presiden UMNO sekarang sa-lain dari Enche' Ghafar Baba ia-lah, Tan Sri Sardon Jubir Menteri Perhubungan, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Dato' Harun Idris Menteri Besar Selangor yang juga Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Tan Sri Fatimah Haji Hashim.

Pertarongan untuk merebut kelima2 jawatan Naib Ketua UMNO itu ada-lah di-antara perkara2 yang akan menghangatkan persidangan agong yang akan berlangsung di-Dewan Bahasa dan Pustaka itu.

LIHAT MUKA 3
(Ruangan 5)

Ini ia-lah kerana Tan Sri Sardon dan Tan Sri Syed Nasir Ismail di-jangka akan bertanding sa-mula merebut jawatan itu, manakala Tan Sri Fatimah juga akan menghadapi tentangan dari Senator Aishah Ghani bagi jawatan Ketua Pergerakan Wanita.

Dato' Harun di-jangka tidak akan menerima tentangan apa2 kerana tidak sa-orang pun bersedia bertanding untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda.

Mengikut perlembagaan UMNO Ketua2 Pergerakan Pemuda dan Wanita sachara automatik akan dilantek sa-bagai Naib Presiden.

Sementara itu Dr. Mahathir bin Mohammad telah di-pilih dengan suara terbanyak menjadi Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kota Setar Selatan dalam meshuarat perwakilan UMNO Bahagian itu kelmarin.

Beliau ada-lah juga Timbalan Ketua UMNO bahagian itu sa-belum di-pechat.

Ketua bahagian itu Senator Haji Ali bin Haji Ismail telah di-pilih tanpa bertanding untuk memegang jawatan itu sa-mula.

12 orang ahli jawatan-kuasa yang lain juga telah di-pilih. HO